



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70
No. 12

8hb Jun 2017

TAMBAHAN
No. 1

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang yang berikut akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, adalah diterbitkan untuk makluman Umum:

The following Bills about to be introduced in the State Legislative Assembly of Kelantan, are published for general information:

	Muka Page
Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pindaan) 2017	3
Syariah Criminal Procedure (Amendment) Enactment 2017	29
Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (2017) Tahun 2017	53
First Supplementary Supply (2017) Enactment 2017	55

RANG UNDANG-UNDANG*bernama*

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pindaan) 2017 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 [*Enakmen No. 8 Tahun 2002*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Bab” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Bahagian” dalam seksyen 55 hingga seksyen 65.

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “aduan” takrif yang berikut:

‘ “denda” termasuklah sebarang denda, penalti atau pelucuthakan atau pampasan yang dihukum atas sesuatu sabitan jenayah atau kesalahan atau kerana melanggar mana-mana undang-undang yang buat masa itu dikuatkuasakan oleh mana-mana Mahkamah dalam Malaysia;’;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “guru agama bertauliah” takrif yang berikut:

‘ “had bidang kuasa tempatan” bagi Mahkamah Rendah Syariah ertinya had bagi pentadbiran biasa daerah di tempat letaknya bangunan Mahkamah itu;’;

- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Ketua Pendakwa Syarie” takrif yang berikut:

‘ “khidmat komuniti” ertinya apa-apa kerja, perkhidmatan atau arahan untuk kebajikan masyarakat secara am dan termasuk, apa-apa kerja yang telah dijalankan yang melibatkan bayaran kepada pihak penjara atau pihak berkuasa tempatan; dan dipertanggungjawabkan di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan dengan hal ehwal Islam atau kebajikan;’;

- (d) dengan memasukkan selepas takrif “Mufti” takrif yang berikut:

‘ “Negeri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 [*Enakmen No.3 Tahun 1982*];

“Pegawai Agama” ertinya mana-mana Pegawai Hal Ehwal Islam yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan;’;

- (e) dengan memasukkan selepas takrif “Pegawai Masjid” takrif yang berikut:

‘ “Pegawai Perubatan Kerajaan” termasuklah seorang pengamal perubatan yang telah diberi oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, suatu pemberian kuasa bertulis di bawah seksyen 34c Akta Perubatan 1971 untuk menjalankan fungsi-fungsi yang ditentukan di bawah seksyen itu;’;

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 3

(f) dengan memasukkan selepas takrif “saksi” takrif yang berikut:

‘ “Siasatan” termasuklah tiap-tiap siasatan yang dijalankan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah di bawah Enakmen ini;’.

Seksyen baru 8A

4. Enakmen ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

“Menolong orang-orang yang diberi kuasa selain daripada Pegawai Penguatkuasa Agama atau Pegawai Polis untuk menyempurnakan waran

8A. Apabila sesuatu waran diarahkan oleh Mahkamah kepada Pegawai Penguatkuasa Agama atau Pegawai Polis atau orang-orang yang diberi kuasa, maka hendaklah orang itu membantu menyempurnakan waran itu jika orang yang diarahkan dalam waran itu ada berhampiran.”

Pindaan seksyen 10

5. Seksyen 10 Enakmen ini dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan “lain yang membuat penangkapan itu hendaklah sebenarnya menyentuh atau mengurung tubuh” dengan perkataan “yang diberi kuasa membuat penangkapan itu hendaklah sebenarnya menyentuh atau mengurung tubuh atau mengehadkan pergerakan”;
- (b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan di akhir subseksyen perkataan “termasuklah menggunakan gari.”; dan
- (c) dalam subseksyen (3) dengan memasukkan di akhir subseksyen perkataan “yang hendak ditangkap.”

Pindaan seksyen 18

6. Seksyen 18 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana” perkataan “Pegawai Agama”.

Pindaan seksyen 19

7. Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “dituduh” dengan perkataan “disyaki”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai polis” perkataan “atau orang-orang yang diberi kuasa menangkap”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “nama dan kediamannya” perkataan “nama dan alamat kediamannya atau pengenalan dirinya”;
- (iv) dengan menggantikan perkataan “nama atau kediamannya” dengan perkataan “nama atau alamat kediamannya atau pengenalan dirinya”; dan
- (v) dengan menggantikan perkataan “seorang Hakim” dengan perkataan “Mahkamah”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “seorang Hakim” dengan perkataan “Mahkamah”; dan

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai polis” perkataan “atau orang-orang yang diberi kuasa menangkap”;

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 5

- (ii) dengan menggantikan perkataan “dituduh” dengan perkataan “disyaki”;
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “nama dan kediamannya” perkataan “nama dan alamat kediamannya atau pengenalan dirinya”;
 - (iv) dengan menggantikan perkataan “sebagai kediamannya” dengan perkataan “sebagai alamat kediamannya atau pengenalan dirinya”;
 - (v) dengan menggantikan perkataan “seorang Hakim” dengan perkataan “Mahkamah”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3), subseksyen yang berikut:

“(4) Apabila mana-mana orang melakukan atau disyaki melakukan suatu kesalahan tidak boleh ditangkap di hadapan seseorang Pegawai Agama, guru agama bertauliah, penggawa, penghulu atau Pegawai Masjid, dan enggan, apabila dikehendaki oleh pegawai itu, untuk memberikan pengenalan dirinya atau memberikan pengenalan dirinya yang pegawai itu ada sebab untuk mempercayai adalah palsu, atau dia memberi alamat tempat tinggalnya di luar Negeri Kelantan, dia boleh ditangkap oleh pegawai itu untuk membolehkan pengenalan dirinya diperolehi, dan dia hendaklah, dalam masa dua puluh empat jam dari waktu tangkapan dibuat, tidak termasuk masa yang diperlukan bagi perjalanan dari tempat penangkapan itu, diserahkan kepada pegawai penguatkuasa agama atau pegawai polis yang berdekatan dan pegawai penguatkuasa agama atau pegawai polis berkenaan hendaklah mengambil tindakan sebagaimana subseksyen (1),(2) dan (3).”

Pindaan seksyen 39

8. Seksyen 39 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan “saman” perkataan “atau waran”.

Pindaan seksyen 42

9. Seksyen 42 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan “dokumen” di mana-mana jua terdapat perkataan “termasuklah dokumen elektronik”.

Pindaan seksyen 54

10. Subseksyen 54 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Pegawai Penguatkuasa Agama hendaklah berkewajipan menerima apa-apa maklumat berkenaan mana-mana kesalahan yang dilakukan di mana-mana tempat dalam Negeri.”

Seksyen baru 63A

11. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 63 seksyen yang berikut:

“Tatacara jika penyiasatan tidak boleh diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam

63A. (1) Apabila seseorang ditangkap dan ditahan dalam kurungan, dan nampaknya penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 22, dan ada sebab-sebab untuk mempercayai bahawa tuduhan atau maklumat itu adalah berasas, maka hendaklah Pegawai Penguatkuasa Agama yang menjalankan penyiasatan itu dengan segera menghantarkan satu salinan catatan harian yang ditetapkan kemudian kelak mengenai kes itu dan bersama-sama itu juga hendaklah menghantarkan orang yang tertuduh itu di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah itu.

(2) Hakim yang di hadapannya seorang tertuduh dibawa di bawah seksyen ini boleh, sama ada dia mempunyai bidang kuasa ataupun tidak untuk membicarakan kes itu, membenarkan tahanan tertuduh itu dalam tahanan tidak melebihi empat belas hari.

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 7

(3) Seorang Hakim yang membenarkan penahanan seseorang di bawah seksyen ini di dalam tahanan polis atau Pegawai Penguatkuasa Agama, hendaklah merekod sebab-sebab yang ia berbuat demikian.”

Penggantian seksyen 71

12. Enakmen ini dipinda dengan menggantikan seksyen 71 dengan seksyen yang berikut:

“Apabila timbul keraguan, Mahkamah Tinggi hendaklah membuat keputusan

71. Bilamana timbul apa-apa keraguan tentang Mahkamah yang manakah yang hendaklah, menurut peruntukan Bab ini, membicarakan apa-apa kesalahan, Mahkamah Tinggi boleh memutuskan di Mahkamah yang manakah kesalahan itu hendaklah dibicarakan maka Mahkamah Tinggi bolehlah:

- (a) dengan arahannya sendiri;
- (b) jika sesuatu Mahkamah Rendah merujuk perkara itu ke Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan arahannya; atau
- (c) di atas permohonan yang dibuat oleh Pendakwa Syarie atau orang yang dituduh, menentukan Mahkamah yang mana berhak menyiasat atau membicarakan kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa sebelum keputusan diambil oleh Mahkamah Tinggi, Pendakwa Syarie dan orang yang dituduh itu berhak menyuarakan pendapat mereka.”

Seksyen baru 71A

13. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 71 seksyen yang berikut:

“Liabiliti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di luar Negeri

71A. Mana-mana kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah atau mana-mana kesalahan bertulis lain yang diperakukan Ketua Pendakwa Syarie, jika kesan berikutnya berlaku dalam Negeri, bolehlah dibicarakan seolah-olah ia berlaku di dalam Negeri.”

Pindaan seksyen 73

14. Seksyen 73 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 73 dengan seksyen yang berikut:

“Sanksi dikehendaki bagi pendakwaan kesalahan tertentu

73. (1) Tidaklah boleh dibuat sesuatu pendakwaan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 103, 114, 115 dan 132 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 [*Enakmen No. 4 Tahun 1994*] melainkan dengan sanksi Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

(2) Peruntukan subseksyen (1) berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang disebutkan didalamnya terpakai juga kepada persubahatan atas kesalahan itu dan percubaan melakukannya;

(3) Sanksi yang dinyatakan dalam seksyen ini hendaklah secara bertulis dan boleh dinyatakan dengan sebutan am dan tidak perlulah menyebut nama orang yang dituduh itu, tetapi seberapa yang boleh hendaklah menyatakan Mahkamah atau tempat lain, di mana dan dalam keadaan mana kesalahan itu dilakukan;

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 9

(4) Apabila diberi sanksi berkenaan dengan sebarang kesalahan yang dinyatakan dalam seksyen ini, maka mahkamah yang mengambil tahu kes itu bolehlah merangka tuduhan bagi mana-mana juga kesalahan yang lain seperti yang dinyatakan itu dan yang dizahirkan oleh fakta-fakta itu;

(5) Sanksi yang seumpama itu tidaklah terus berjalan kuat kuasanya melainkan dijalankan tindakan dalam tempoh sebulan daripada tarikh diberi kebenaran itu.”

Seksyen baru 73A

15. Enakmen ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 73 seksyen yang berikut:

“Apabila aduan oleh orang yang terkilan

73A. Sebarang mahkamah tidaklah boleh mengambil tahu berkenaan dengan kesalahan yang terkandung dalam seksyen 8, 17, 20, 21 dan 24 Enakmen Kanun Jenayah Syariah No.2 1985 dan seksyen 127 hingga 134 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam [*Enakmen No.6 Tahun 2002*] kecuali dengan aduan yang dibuat oleh orang-orang yang terkilan dengan kesalahan itu atau oleh Pendakwa Syarie.”

Penggantian seksyen 74

16. Enakmen ini dipinda dengan menggantikan seksyen 74 dengan seksyen yang berikut:

“Pemeriksaan pengadu

74. (1) Apabila seorang Hakim mengambil tahu mengenai suatu kesalahan atas suatu aduan—

(a) Hakim hendaklah menetapkan suatu tarikh untuk memeriksa pengadu mengikut seksyen ini.

- (b) Hakim hendaklah menyampaikan notis secara bertulis kepada Pendakwa Syarie sekurang-kurang tujuh hari genap sebelum tarikh pemeriksaan terhadap pengadu dan notis itu hendaklah menyatakan tarikh pemeriksaan terhadap pengadu dan butir-butir aduan yang diterima oleh Hakim di bawah seksyen 72;
- (c) Hakim tidak boleh meneruskan untuk memeriksa pengadu melainkan jika notis yang dikehendaki oleh perenggan (b) telah disampaikan kepada Pendakwa Syarie mengikut perenggan itu;
- (d) Hakim hendaklah memeriksa pengadu itu setelah berikrar mengikut Borang 6 Jadual Kedua dan isi pemeriksaan terhadap pengadu itu hendaklah diturunkan secara bertulis dan hendaklah ditandatangani oleh pengadu dan oleh Hakim;
- (e) Pendakwa Syarie boleh hadir dan membantu Hakim dalam pemeriksaan terhadap pengadu.

(2) Walau apapun subseksyen (1), Pendakwa Syarie boleh pada mana-mana peringkat pemeriksaan mengarahkan Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menyiasat kesalahan yang diadukan itu dan untuk melaporkannya kepada Pendakwa Syarie.

(3) Jika Pendakwa Syarie mengarahkan Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menyiasat kesalahan yang diadukan itu, Hakim tidak boleh meneruskan pemeriksaan terhadap pengadu.

(4) Seksyen ini tidak boleh dikenakan kepada sesuatu pengaduan jika ia adalah kes saman dan saman telah pun diminta oleh seorang Pegawai Penguatkuasa Agama, Pegawai Agama atau seorang pengkhidmat awam yang bertindak secara rasmi.”

Pindaan seksyen 97

17. Seksyen 97 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (c) subseksyen yang berikut:

“(d) memerintahkan pesalah itu menjalankan khidmat komuniti dalam tempoh tidak melebihi satu tahun, dalam bentuk sifat, waktu, tempat dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti mana yang dinyatakan oleh Mahkamah.”

Seksyen baru 117A

18. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 117 seksyen yang berikut:

“Keterangan menerusi hubungan video atau audio secara langsung

117A. (1) Walau apa pun peruntukan lain dalam Enakmen ini atau Enakmen Keterangan, seseorang, selain daripada tertuduh, boleh, dengan kebenaran Mahkamah, memberi keterangan video atau keterangan secara langsung menerusi hubungan video atau audio secara langsung dalam mana-mana perbincangan atau siasatan, jika ianya adalah wajar dalam kepentingan keadilan untuk membuatnya.

(2) Mahkamah boleh, dalam melaksanakan kuasanya di bawah subseksyen (1), membuat suatu perintah atas mana-mana atau kesemua perkara-perkara yang berikut:

- (a) orang yang mungkin berada di tempat di mana saksi memberi keterangan;
- (b) bahawa seseorang dikecualikan dari tempat semasa saksi memberi keterangan;
- (c) orang yang di dalam Mahkamah yang perlu didengar, atau dilihat dan didengar, oleh saksi, dan oleh orang yang bersama saksi;

12

KELANTAN No. TAHUN 2017

- (d) orang di dalam Mahkamah yang boleh didengar, atau dilihat dan didengar, oleh saksi dan oleh orang yang bersama saksi;
- (e) orang di dalam Mahkamah yang perlu melihat dan mendengar saksi dan orang yang bersama saksi;
- (f) peringkat dalam prosiding dalam mana suatu bahagian perintah perlu dilaksanakan;
- (g) cara-cara mengendalikan sistem hubungan video atau audio secara langsung termasuk pematuhan piawai teknikal yang minimum seperti yang boleh ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie; dan
- (h) mana-mana perintah lain yang Mahkamah fikirkan patut dalam kepentingan keadilan.

(3) Mahkamah hendaklah tidak memberi kebenaran di bawah subseksyen (1) atau membuat perintah di bawah subseksyen (2) jika, dalam pendapat Mahkamah, membuatnya adalah tidak selaras dengan tanggungjawab Mahkamah untuk memastikan prosiding dijalankan secara adil kepada pihak-pihak dalam prosiding.

(4) Saksi yang memberikan keterangan mengikut seksyen ini, dia hendaklah dianggap sebagai memberi keterangan dalam kehadiran Mahkamah, tertuduh atau peguam syariahnya, seperti mana yang berkenaan.”

Penggantian seksyen 125

19. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 125 dengan seksyen yang berikut:

“Hukuman sebat

125. (1) Peruntukan seksyen ini dan seksyen 126 hendaklah terpakai apabila tertuduh dihukum sebat.

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 13

(2) Alat sebatan, tidak termasuk pemegangnya, hendaklah daripada jenis yang sama dan dibuat sama ada daripada rotan atau ranting kecil pokok yang tiada ruas atau buku dan panjangnya tidak melebihi 1.22 meter dan tebalnya tidak melebihi 1.25 sentimeter.

(3) Peruntukan yang berikut hendaklah diikuti apabila melaksanakan hukuman sebat, iaitu —

- (a) sebelum hukuman itu dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan yang beragama Islam untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman itu;
- (b) jika pesalah itu sedang hamil, pelaksanaan itu hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua tahun selepas dia melahirkan anak;
- (c) hukuman hendaklah dilaksanakan secara terbuka di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan yang beragama Islam dan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam yang tidak kurang dari empat orang lelaki di mana-mana tempat yang diperintahkan oleh Mahkamah sebagaimana yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu.

Huraian—

“secara terbuka” mengikut maksud seksyen ini ialah pelaksanaan hukuman sebatan yang boleh disaksikan oleh sekumpulan orang Islam.

- (d) orang yang dilantik untuk melaksanakan hukuman itu hendaklah seorang yang adil dan matang;
- (e) orang itu hendaklah menggunakan alat sebatan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi bahunya;

14

KELANTAN No. TAHUN 2017

- (f) selepas mengenakan sebatan, dia hendaklah mengangkat alat sebatan itu ke atas dan tidak menariknya;
- (g) sebatan hendaklah dikenakan di bahagian belakang tubuhnya kecuali bahagian leher dan kepala;
- (h) pesalah hendaklah memakai pakaian sebagaimana yang ditetapkan oleh pelaksanaan hukuman;
- (i) jika pesalah itu lelaki, sebatan hendaklah dikenakan dalam keadaan dia berdiri, dan jika pesalah itu perempuan, dalam keadaan dia duduk;
- (j) jika semasa pelaksanaan hukum sebat itu Pegawai Perubatan Kerajaan yang beragama Islam memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan itu memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani baki hukuman itu.

(4) Jika Pegawai Perubatan Kerajaan yang beragama Islam memperakui bahawa pesalah itu, oleh sebab keuzuran atau apa-apa sebab lain tidak dapat menjalani hukuman sebat pada keseluruhannya atau sebahagiannya, maka kes itu hendaklah dirujuk kepada Mahkamah yang boleh memerintahkan kaedah hukuman itu dilaksanakan mengikut cara yang difikirkannya munasabah.”

Penggantian seksyen 126

20. Seksyen 126 Enakmen itu dipinda dengan menggantikan seksyen 126 dengan seksyen yang berikut:

“Masa melaksanakan hukuman sebat

126. (1) Apabila tertuduh dihukum dengan hukuman sebatan sahaja atau sebatan sebagai tambahan kepada hukuman pemenjaraan, hukuman sebat itu tidaklah boleh dikenakan jika suatu rayuan dibuat dan sehingga hukuman itu disahkan oleh Mahkamah rayuan yang berkenaan.

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 15

(2) Sebatan itu hendaklah dikenakan dengan seberapa segera yang praktik dan dalam hal suatu rayuan, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan perintah Mahkamah Rayuan yang berkenaan yang mengesahkan hukuman itu.”

Pindaan seksyen 128

21. Seksyen 128 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan “dua ratus ringgit” dengan perkataan “lima ribu ringgit”.

Penggantian seksyen 132

22. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 132 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menggantung atau meremitkan hukuman

132. (1) Melainkan kepada kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di dalam Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 apabila mana-mana orang telah dihukum bagi sesuatu kesalahan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan atas nasihat Mufti boleh pada bila-bila masa, tanpa syarat, atau dengan apa-apa syarat yang diterima oleh orang yang dihukum itu, menggantung atau meremitkan pelaksanaan keseluruhan atau mana-mana bahagian hukuman itu.

(2) Apabila sesuatu permohonan dibuat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan bagi penggantungan atau peremitan sesuatu hukuman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan boleh menghendaki Hakim yang membuat sabitan itu supaya menyatakan pendapatnya tentang sama ada permohonan itu boleh dibenarkan atau ditolak dan Hakim itu hendaklah menyatakan pendapatnya dengan sewajarnya.

(3) Jika mana-mana syarat yang berdasarkannya sesuatu hukuman telah digantung atau diremitkan telah tidak, pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, dipenuhi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan boleh membatalkan penggantungan atau peremitan itu; dan dengan itu orang yang bagi faedahnya hukuman itu telah digantung atau diremitkan boleh, jika dia telah dilepaskan, ditangkap oleh mana-mana Pegawai Polis atau Pegawai Penguatkuasa Agama tanpa waran dan ditahan oleh seorang Hakim untuk menjalani bahagian hukuman yang belum habis itu.”

Penggantian seksyen 133

23. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 133 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk meringankan hukuman

133. Melainkan kepada kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di dalam Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan atas nasihat Mufti boleh, tanpa persetujuan orang yang telah dihukum, meringankan mana-mana satu daripada hukuman yang berikut dengan menggantikannya dengan mana-mana hukuman yang disebut selepasnya, iaitu —

- (a) sebat;
- (b) pemenjaraan; atau
- (c) denda.

Penggantian seksyen 136

24. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 136 dengan seksyen yang berikut:

“Apabila akuan bersalah menghadkan hak rayuan

136. (1) Apabila seseorang tertuduh telah mengaku salah dan disabitkan oleh Hakim atas akuan itu, maka tiada rayuan boleh dibuat kecuali tentang takat atau keesahan hukuman itu.

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 17

(2) Rayuan terhadap sabitan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran merayu daripada Mahkamah yang akan mendengar rayuan itu.”

Pindaan seksyen 138

25. Seksyen 138 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (4) dan perenggan (5)(b) dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “empat belas”.

Pindaan seksyen 141

26. Seksyen 141 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “sebat” perkataan “dan penjara”.

Pindaan seksyen 180

27. Seksyen 180 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “hospital mental” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “hospital psikiatri”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “Penguasa Perubatan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pengarah Perubatan”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “Ordinan Penyakit Mental 1952 [Ord.31/52] di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615].

Seksyen baru 183A dan 183B

28. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 183 seksyen yang berikut:

Pengadu sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah

183A. Walau apa pun apa-apa perkara yang terkandung dalam Bab ini, mana-mana orang persendirian boleh hadir dengan sendiri atau

oleh peguam syarie dan mendakwa bagi suatu kesalahan terhadap diri atau hartanya sendiri dalam kes kesalahan tak boleh tangkap dalam Mahkamah Rendah Syariah.

Seksyen 183 dan 183A mengatasi undang-undang lain

183B. Seksyen 183 dan 183A hendaklah mengatasi walau apa pun percanggahan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain. ”

Seksyen baru 190A

29. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 190 seksyen yang berikut:

“Orang yang dituduh dengan kesalahan yang tidak boleh dijamin boleh dilepaskan dengan jaminan

190A. (1) Apabila mana-mana orang yang dituduh di atas mana-mana kesalahan yang tidak boleh dijamin telah ditangkap atau ditahan tanpa waran oleh seorang Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis atau hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah, dia boleh dilepaskan dengan jaminan oleh Mahkamah itu, tetapi dia hendaklah tidak boleh dilepaskan sedemikian jika ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia bersalah terhadap kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau hukuman had atau qisas:

Dengan syarat bahawa Mahkamah itu boleh mengarahkan mana-mana orang yang berumur di bawah enam belas tahun atau mana-mana orang perempuan atau orang sakit atau orang yang lemah yang dituduh dengan kesalahan itu dilepaskan dengan jaminan.

(2) Jika Mahkamah itu berpendapat di mana-mana peringkat penyiasatan, siasatan atau perbicaraan, mengikut mana yang berkenaan, bahawa tiada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan yang tidak boleh dijamin, tetapi ada alasan yang cukup untuk menjalankan siasatan selanjutnya terhadap kesalahannya,

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 19

tertuduh hendaklah, sementara menantikan siasatan itu, dilepaskan dengan jaminan, atau, mengikut budi bicara Mahkamah itu, setelah ia menyempurnakan bon tanpa penjamin untuk kehadirannya seperti yang diperuntukkan selepas ini.

(3) Mahkamah yang melepaskan mana-mana orang dengan jaminan di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah merekodkan secara bertulis sebab-sebab ia boleh berbuat demikian.

(4) Jika pada bila-bila masa selepas tamatnya perbicaraan terhadap tertuduh di atas kesalahan yang tidak boleh dijamin dan sebelum disampaikan penghakiman, Mahkamah berpendapat bahawa ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa tertuduh itu tidak bersalah di atas kesalahan itu, jika ia dalam tahanan, setelah ia menyempurnakan bon tanpa penjamin untuk ia hadir mendengar penghakiman yang akan diberi.

(5) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat terkemudian mana-mana prosiding di bawah Enakmen ini menyebabkan mana-mana orang yang telah dilepaskan di bawah seksyen ini ditangkap semula dan boleh mengkomitkannya ke dalam jagaan.”

Pindaan seksyen 194

30. Seksyen 194 Enakmen ini dipinda dalam perenggan (2)(e), teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “Merinyu” dengan perkataan “Inspektor”.

Penggantian seksyen 197

31. Enakmen ini dipinda dengan menggantikan seksyen 197 dengan seksyen yang berikut:

“Alibi

197. (1) Mahkamah hendaklah, pada masa tertuduh dipertuduhkan, memberitahu tertuduh haknya untuk mengemukakan pembelaan alibi.

(2) Di mana tertuduh memohon untuk mengemukakan pembelaan alibi, dia hendaklah mengemukakan suatu notis alibinya semasa proses pengurusan kes.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), di mana tertuduh tidak mengemukakan notis mengenai alibinya semasa proses pengurusan kes, dia boleh mengemukakan bukti bagi menyokong alibi pada bila-bila masa semasa perbicaraan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) tertuduh telah memberikan suatu notis bertulis mengenai alibinya kepada Pendakwa Syarie; dan
- (b) Pendakwa Syarie diberi masa yang munasabah untuk menyelidik alibi tersebut sebelum bukti mengenainya boleh dikemukakan.

(4) Notis yang dikehendaki oleh seksyen ini hendaklah termasuk butir-butir mengenai tempat di mana tertuduh mendakwa dia berada pada masa pelakuan kesalahan yang baginya dia dipertuduh, berserta dengan nama dan alamat mana-mana saksi yang dia berniat untuk memanggilnya bagi maksud membuktikan alibinya.”

Pindaan seksyen 210

32. Seksyen 210 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” dengan perkataan “lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

Pindaan seksyen 211

33. Seksyen 211 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya” dengan perkataan “lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

Pindaan seksyen 213

34. Seksyen 213 Enakmen ini dipinda dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya” dengan perkataan “tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

Seksyen baru 217

35. Enakmen ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 217 seksyen yang berikut:

“Dengan sengaja menghina atau mengganggu mana-mana orang yang dibenarkan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana perbicaraan di Mahkamah

217A. Barang siapa dengan sengaja menghina atau menyebabkan apa-apa gangguan kepada mana-mana orang yang dibenarkan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana perbicaraan di Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (“Enakmen No.8 Tahun 2002”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am yang berhubungan dengan perubahan perkataan “Bab” kepada perkataan “Bahagian” dalam seksyen 55 hingga seksyen 65.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Enakmen No.8 Tahun 2002 untuk memasukkan takrif baharu.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A untuk membolehkan mana-mana orang lain selain daripada Pegawai Penguatkuasa Agama atau Pegawai Polis untuk menolong menyempurnakan waran.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 10 untuk memberi kuasa kepada orang lain selain Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis untuk mengurung tubuh atau menghadkan pergerakan orang yang hendak ditangkap termasuk membenarkan penggunaan gari.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 18 untuk memberi kuasa kepada Pegawai Agama untuk menangkap tanpa waran.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 19 untuk membenarkan orang lain yang diberi kuasa selain Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai Polis dalam hal keengganan orang yang disyaki untuk memberi alamat kediaman atau pengenalan diri.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 39(1) untuk menjelaskan bahawa waran juga tidak boleh disampaikan di luar had bidang kuasa tempatan Mahkamah yang mengeluarkannya.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 42 dengan memasukkan dokumen elektronik sebagai suatu bentuk dokumen yang disaman untuk dikemukakan ketika penyiasatan.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 54 dengan memasukkan subseksyen baru bagi mewajibkan Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menerima maklumat berkenaan mana-mana kesalahan yang dilakukan di mana-mana tempat dalam negeri.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 63A yang memperuntukkan tatacara jika penyiasatan tidak boleh diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam. Seksyen ini juga memperuntukkan tempoh tidak melebihi empat belas hari bagi membenarkan tertuduh di dalam tahanan.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk menggantikan seksyen 71 dengan memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat keputusan untuk membicarakan apa-apa kesalahan jika timbul keraguan tentang Mahkamah yang mana akan membicarakannya. Walaubagaimanapun seksyen ini membenarkan Pendakwa Syarie dan orang dituduh untuk menyuarakan pendapat sebelum keputusan dibuat oleh Mahkamah Tinggi.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 71A bagi memperuntukkan liabiliti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di luar Negeri.
15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 73 dengan memperuntukkan bahawa apa-apa pendakwaan tidak boleh dibuat ke atas apa-apa kesalahan di bawah seksyen-seksyen 103, 114, 115 dan 132 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, kesalahan persubahatan dan percubaannya tanpa terlebih dahulu mendapat sanksi secara bertulis daripada Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 23

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73A yang memperuntukkan bahawa mana-mana Mahkamah tiada kuasa untuk mendengar apa-apa kesalahan di bawah seksyen-seksyen 8, 17, 20, 21 dan 24 Enakmen Jenayah Syariah [Enakmen No.2 Tahun 1985] dan seksyen-seksyen 127 hingga 134 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam [*Enakmen No.6 Tahun 2002*] kecuali terdapat aduan daripada orang-orang yang terkilan atau Pendakwa Syarie.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk menggantikan seksyen 74 berkenaan aduan kepada hakim dan proses pemeriksaan pengadu menggunakan Borang 6 Jadual Kedua.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 97(d) yang memperuntukkan tempoh khidmat komuniti tidak melebihi satu tahun, dalam bentuk sifat, waktu dan tempat tertakluk kepada syarat-syarat seperti mana yang dinyatakan oleh Mahkamah.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 117A bagi memperuntukkan pemberian keterangan dalam bentuk video atau keterangan secara langsung menerusi hubungan video atau audio dalam mana-mana perbincaraan atau siasatan jika ianya wajar untuk kepentingan keadilan.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk menggantikan seksyen 125 berkenaan hukuman sebat serta pelaksanaannya secara terbuka.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk menggantikan seksyen 126 dengan memperuntukkan bahawa hukuman sebatan sahaja atau sebagai hukuman tambahan tidak boleh dikenakan jika suatu rayuan dibuat dan sehingga hukuman itu disahkan oleh Mahkamah Rayuan.

22. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda subseksyen 128(2) dengan menaikkan denda ke atas penjaga bagi pesalah muda daripada dua ratus ringgit kepada lima ribu ringgit.

23. *Fasal 22* bertujuan menggantikan seksyen 132 bagi memberi kuasa kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasihat Mufti untuk menggantung atau meremitkan hukuman.

24. *Fasal 23* bertujuan untuk menggantikan seksyen 133 bagi memberi kuasa kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasihat Mufti, tanpa kebenaran orang yang dihukum untuk meringankan hukuman dengan menggantikannya dengan hukuman sebatan atau pemenjaraan atau denda.

25. *Fasal 24* bertujuan untuk menggantikan seksyen 136 yang memperuntukkan bahawa pengakuan salah seseorang tertuduh akan menghadkan hak rayuannya kecuali tentang takat atau keesahan hukuman. Rayuan terhadap sabitan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran merayu daripada Mahkamah yang akan mendengar rayuan itu.

26. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda tempoh penyampaian alasan penghakiman dan nota keterangan bagi kes rayuan daripada sepuluh hari kepada empat belas hari.

24

KELANTAN No. TAHUN 2017

27. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 141 dengan memperuntukkan bahawa penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan tidak terpakai dalam hukuman sebat dan penjara.

28. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 180 dengan menggantikan perkataan hospital mental kepada hospital psikiatri serta menggantikan peruntukan penahanan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*].

29. *Fasal 28* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 183A dan 183B untuk membenarkan orang awam hadir dengan sendiri atau oleh peguam syarie mengaku kesalahan terhadap diri atau hartanya bagi kes kesalahan tidak boleh tangkap. Seksyen 183A juga mengatasi undang-undang bertulis lain.

30. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 190A yang orang yang dituduh dengan kesalahan yang tidak boleh dijamin boleh dilepaskan dengan jaminan oleh Mahkamah kecuali bagi hukuman mati, had atau qisas. Dengan syarat tertuduh yang berumur di bawah enam belas tahun atau perempuan atau orang yang lemah boleh dilepaskan dengan jaminan Mahkamah.

31. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 194 dengan menggantikan perkataan Merinyu kepada perkataan Inspektor.

32. *Fasal 31* bertujuan untuk menggantikan seksyen 197 dengan memperuntukkan Mahkamah memberitahu tertuduh haknya bagi pengemukakan pembelaan alibi di mana tertuduh boleh memohon dengan mengemukakan notis alibi semasa proses pengurusan kes tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

33. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 210 dengan mengubah peruntukan hukuman kepada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kes menghina Mahkamah.

34. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 211 dengan mengubah peruntukan hukuman kepada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kes memberi maklumat, keterangan atau pengakuan palsu dalam apa-apa perkara jika dia dikehendaki untuk memberi maklumat, keterangan atau pengakuan di bawah Enakmen ini.

35. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 213 dengan mengubah peruntukan hukuman kepada denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan tidak mengemukakan dokumen apabila dia diarahkan berbuat demikian oleh pegawai agama.

36. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 217 dengan mengubah peruntukan hukuman kepada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan dengan sengaja menghina atau mengganggu mana-mana orang yang mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana perbicaraan di Mahkamah.

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (PINDAAN) 2017 25

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Bertarikh 4 Jun 2017

[PU.KN. 1/G/100]

DATO' SHAHIDANI BIN ABD AZIZ
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Kelantan*

A BILL

intituled

An Enactment to amend the Syariah Criminal Procedure Enactment 2002.

[]

ENACTED by the State Legislature of Kelantan as follows:

Short title and commencement

1. This Enactment may be cited as the Syariah Criminal Procedure (Amendment) Enactment 2017 and shall come into operation on a date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

General amendment

2. The Syariah Criminal Procedure Enactment 2002 [*Enactment No. 8 of 2002*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended by substituting for the word “Chapter” wherever appearing the word “Part” under section 55 to section 65.

Amendment of section 2

3. Section 2 of the principal Enactment is amended—

(a) by inserting after the definition of “complaint” the following definition:

‘ “fine” includes any fine, penalty or forfeiture or compensation adjudged upon any conviction of any crime or offence or for the breach of any law for the time being in force by any Court in Malaysia;’;

- (b) by inserting after the definition of “guru agama bertauliah” the following definition:

‘ “local limits of the jurisdiction” of a Syariah Subordinate Court means the limits of the ordinary administrative district in the Court building is situated;’;

- (c) by inserting after the definition of “Chief Syariah Prosecutor” the following definition:

‘ “community service” means any work, service or course of instructions for the welfare of the public in general and includes, any work performed involving payment to the prison or local authority; and shall be assigned under the Member of the State Executive Council relating to the responsibility for Islamic affairs or welfares;’;

- (d) by inserting after the definition of “Mufti” the following definition:

“Religious Officer” means any Islamic Affairs Officer appointed by the State Services Commission of Kelantan;’;

- (e) by inserting after the definition of “Pegawai Masjid” the following definition:

‘ “Government Medical Officer” includes a medical practitioner who has been given by the Director General of Health, an authorization in writing under section 34c of the Medical Act 1971 [Act 50] to perform functions specified in that section;’;

SYARIAH CRIMINAL PROCEDURE (AMENDMENT)
ENACTMENT 2017

3

(f) by inserting after the definition of “witness” the following definition:

‘ “Inquiry” includes every inquiry conducted before a Judge of the Syariah Subordinate Court under this Enactment;’.

New section 8A

4. The principal Enactment is amended by inserting after section 8 the following section:

“Assist an authorized person other than Religious Enforcement Officer or police officer to execute warrant

8A. When a warrant is directed by the Court to a Religious Enforcement Officer or Police Officer or other authorized person, such person shall aid in the execution of the warrant if the person to whom the warrant is directed is near at hand.”

Amendment of section 10

5. Section 10 of the principal Enactment is amended—

